



KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR AHAD		
TARIKH	:	5/9/2021 (AHAD)	MUKA SURAT	: 1
JABATAN	:	PERHILITAN		

Sindiket pemburu haiwan liar menyogok penduduk kampung ratusan ringgit untuk memberi maklumat tapak kaki harimau

RASUAH JEJAK TAPAK RIMAU

EKSKLUSIF

- Ketua Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar Dan Taman Negara (Perhilitan), Datuk Abdul Kadir Abu Hashim mendedahkan, pemburu harimau membayar duit kopi kepada orang tempatan yang tinggal berdekatan hutan kerana harga seekor harimau jantan boleh mencecah RM200,000 seekor.
- Bagi pemburu harimau belang atau Harimau Malaya, suspek biasanya akan datang ke kampung terbabit meronda dan meminta orang kampung salurkan maklumat berkenaan binatang liar itu.
- Pemburu harimau adalah warga tempatan dan mempunyai ramai pekerja di bawahnya. 'Tauke' harimau dipercayai berada di Kelantan dan seorang telah dikenal pasti.
- Selain harimau, pelbagai spesies popular haiwan liar serta eksotik yang biasa menjadi sasaran pemburu haram antaranya rusa, kambing gurun, beruang, gajah jantan dan tapir.

MUKA 2, 3 & 4